

29/01/2004

H2O janji pameran aksi Powerboat lebih panas

Azidan Nahar

PENGANJUR Kejohanan Formula Satu (F1) Powerboat, H2O Sdn Bhd berjanji akan memastikan penganjuran kejohanan itu di negara ini pada 25-26 September ini lebih menarik dan berupaya menarik lebih ramai penonton.

Sehubungan itu, H2O yang diumumkan penganjur terbaik kejohanan itu bagi kejuaraan 2003 akan bekerja lebih keras dan kreatif supaya kejohanan akan datang akan setanding atau lebih baik dari kejohanan tahun lalu.

Pengarah Urusannya, Datuk Yahya A. Jalil dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam menyatakan rasa terkejut apabila diumumkan sebagai penganjur terbaik siri kejohanan F1 Powerboat 2003 yang diumumkan Ahad lalu.

"Saya terkejut menerima berita yang disampaikan menerusi kenyataan akhbar IDEA Marketing, penganjur antarabangsa kejohanan itu yang menyatakan negara kita memenangi anugerah Penganjur Terbaik kejohanan untuk kali ketiga berturut-turut.

"Memenangkan untuk kali ketiga adalah mengejutkan memandangkan persaingan amat mencabar tahun lalu terutama daripada Sharjah (penganjur Sharjah Grand Prix). Tapi Alhamdulillah kami sudah berjaya melakukannya dan membuktikan kepada dunia yang Malaysia adalah antara penganjur kejohanan antarabangsa terbaik dunia," katanya.

Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan terutama kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang banyak memberi nasihat dan galakkan selain sokongan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Katanya, kejayaan yang diraih itu bukan hanya untuk pihaknya bahkan untuk negara serta rakyat dan memenangi anugerah berprestij daripada arena perlumbaan powerboat menunjukkan sokongan dan sumbangan seluruh rakyat negara ini.

Anugerah berprestij itu akan disampaikan di bandaraya Turin, Itali yang akan menjadi tuan rumah Olimpik Musim Sejuk 2006 dalam majlis 'Stars of The Nights' pada 21 Februari nanti yang akan dihadiri semua pihak yang terbabit dalam kejohanan berkenaan.

Selain itu, Yahya berkata, H2O kini sedang meneliti untuk mendapatkan lokasi perlumbaan tetap untuk F1 Powerboat dalam tempoh terdekat dan pihaknya sudah mencadangkan perkara berkenaan kepada kerajaan.

"Langkah Ini sangat mustahak untuk jangka masa panjang dalam penyertaan F1 Powerboat selain dapat membangunkan pelbagai lagi kejohanan sukan air bermotor sejak pengenalan Formula Future 2003 yang khusus untuk tujuan berkenaan," katanya.